----	---	---	---	--------------	--------------	--------------	------	------	--------

Keseluruhan	4.08 0.50 Tinggi
--------------------	-------------------------

Panduan :

STS = Sangat Tidak Setuju

TS = Tidak Setuju

AS = Agak Setuju

S = Setuju

SS = Sangat Setuju

Jadual 4.23 menunjukkan dapatan deskriptif motivasi ibadah bagi anggota BAKAT. Dapatan menunjukkan nilai motivasi ibadah BAKAT secara keseluruhan adalah 4.07. Ini bermakna bahawa tahap motivasi BAKAT secara keseluruhannya adalah berada pada tahap yang tinggi. Secara terperinci pula dalam setiap item ini mendapati bahawa BAKAT mempunyai motivasi ibadah yang tinggi jika melihat kepada item pertama (min 4.05), item 2 (min 4.15), item 4 (min 4.15), item 5 (min 3.95) item 6 (min 4.10) dan item 7 (min 3.75). Walaupun begitu motivasi anggota bakat jika dilihat kepada item 3 (min 4.35) memperlihatkan bahawa ianya berada pada tahap yang sangat tinggi.

JADUAL 4.23 ; Keckerapan, peratusan, nilai min, sisihan piawai dan tahap motivasi

BAKAT.

<i>Motivasi</i>	Kekerapan (%)					Min	S.P	Tahap
	STS	TS	AS	S	SS			
1. Saya merupakan anggota BAKAT yang suka menjinakkan diri ke masjid kerana masjid diimarah dan dimakmurkan oleh warga KAGAT dengan sebaiknya.	-	1 (5.0%)	6 (30.0%)	4 (20.0%)	9 (45.0%)	4.05	1.00	Tinggi
2. Saya akan memastikan anak-anak saya	-	-	4 (20.0%)	9 (45.0%)	7 (35.0%)	4.15	0.75	Tinggi

- mempelajari agama
terutamanya membaca
al-Quran dengan baik.
3. Saya sentiasa - 2 - 7 11 4.35 0.93 ST
mendorong dan (10.0% (35.0%) (55.0%)
menggalakkan anak-
anak perempuan dan)
diri saya untuk menutup
aurat apabila keluar
daripada rumah kerana
ianya sebahagian
daripada perintah Allah.
4. Saya akan memastikan - - 5 7 8 4.15 0.81 Tinggi
suami dan anak-anak (25.0%) (35.0%) (40.0%)
saya menunaikan solat
kerana ia merupakan
perintah Allah.
5. Saya merupakan - - 7 7 6 3.95 0.83 Tinggi
anggota BAKAT yang (35.0%) (35.0%) (30.0%)
bertuah kerana dapat
membaca al-Quran
dengan baik hasil
didikan dan tunjuk ajar

KAGAT di pasukan..									
6.	Saya dapat mengetahui peristiwa penting dalam Islam kerana KAGAT sering memperingatinya dengan penganjuran kepelbagaian aktiviti.	-	-	6	6	8	4.10	0.85	Tinggi
				(30.0%)	(30.0%)	(40.0%)			
7.	Saya sering mendapat motivasi dalam kehidupan apabila terpilih mengikuti program motivasi.	-	1	7	8	4	3.75	0.85	Tinggi
			(5.0%)	(35.0%)	(40.0%)	(20.0%)			
Keseluruhan							4.07	0.79	Tinggi

Panduan :

STS = Sangat Tidak Setuju

TS = Tidak Setuju

AS = Agak Setuju

S = Setuju

SS = Sangat Setuju

Persoalan Kajian 3. *Apakah tahap aktiviti keagamaan secara am bagi pegawai, anggota dan BAKAT warga 21 RAMD?*

Respon Terhadap Aktiviti Keagamaan Secara Am bagi Pegawai.

Berdasarkan kepada Jadual 4.24 menunjukkan dapatan deskriptif respon aktiviti keagamaan bagi pegawai secara am di 21 RAMD. Dapatan menunjukkan nilai min respon pegawai terhadap aktiviti keagamaan di 21 RAMD secara keseluruhannya adalah 3.43 iaitu berada pada tahap yang sederhana. Dapatan aktiviti keagamaan secara terperinci bagi setiap item yang dinyatakan menunjukkan bahawa 7 item daripada 9 item mengenai respon pegawai terhadap aktiviti keagamaan adalah berada pada tahap sederhana iaitu item 1 (min 3.25), item 2 (min 3.40), item 3 (min 2.95), item 4 (min 3.01), item 8 (min 3.30) dan item 9 (min 3.50). Ini juga bermakna bahawa tahap pelaksanaan aktiviti keagamaan di 21 RAMD menurut pandangan pegawai berdasarkan item yang dinyatakan tersebut adalah belum memadai. Sedangkan hanya 3 item daripada 9 item tersebut mengenai respon pegawai terhadap aktiviti keagamaan di 21 RAMD adalah berada pada tahap yang tinggi iaitu item 5 (min 4.20), item 6 (min 3.70) dan item 7 (min 3.65).

JADUAL 4.24 : Kekerapan, peratusan, nilai min, sisihan piawai dan tahap respon terhadap aktiviti keagamaan bagi pegawai.

Aktiviti Keagamaan	Kekerapan (%)					Min	S.P	Tahap
	STS	TS	AS	S	SS			

1.	Pegawai Memerintah	2	3	4	10	1 (5%)	3.25	1.12	Sdh
	sering memberi galakkan untuk melaksana dan mengikuti aktiviti keagamaan.	(10%)	(15%)	(20%)	(50%)				
2.	Para pegawai sering	1	3	5	9	2	3.40	1.05	Sdh
	memberi sokongan dalam pelaksanaan aktiviti keagamaan.	(5.0%)	(15%)	(25.0%)	(45.0%)	(10.0%)			
3.	Anggota lain-lain	2	5	6	6	1 (5.0%)	2.95	1.10	Sdh
	pangkat sentiasa memberi sokongan dengan menyertai setiap program yang dianjurkan.	(10%)	(25%)	(30.0%)	(30.0%)				
4.	Ahli BAKAT turut	-	5	6 (30%)	6 (30%)	3 (15%)	3.01	1.11	Sdh
	memberi sokongan dengan menyertai program yang bersesuaian untuk mereka.		(25%)						
5.	Anak-anak anggota	-	1	3	7	9	4.20	0.89	Tinggi
	menyukai program yang		(5.0%)	(15.0%)	(35.0%)	(45.0%)			

- dilaksanakan untuk mereka.
6. Kekangan masa dan tugas membataskan penyertaan dalam aktiviti yang dianjurkan. - 1 6 11 2 3.70 0.73 Tinggi
(5.0%) (30.0%) (55.0%) (10.0%)
7. Aktiviti yang dianjurkan dipelbagaikan bagi menarik minat penyertaan semua lapisan. 1 1 4 12 2 3.65 0.93 Tinggi
(5.0%) (5.0%) (20.0%) (60.0%) (10.0%)
8. Adakah permasalahan kewangan menjadi kekangan dalam melaksanakan aktiviti keagamaan. - 2 12 4 2 3.30 0.80 Sdh
(10%) (60.0%) (20.0%) (10.0%)
9. Kekuatan keanggotaan KAGAT yang mencukupi adalah perlu bagi pelaksanaan dan kejayaan sesuatu program. 3 1 2 11 3 3.50 1.28 Sdh
(15%) (5.0%) (10.0%) (55.0%) (15.0%)

Keseluruhan **3.43** **0.94** **Sdh**

Panduan :

STS = Sangat Tidak Setuju

TS = Tidak Setuju

AS = Agak Setuju

S = Setuju

SS = Sangat Setuju

Respon Terhadap Aktiviti Keagamaan Secara Am bagi Anggota.

Jadual 4.25 menunjukkan dapatan deskriptif respon aktiviti keagamaan bagi anggota secara am di 21 RAMD. Dapatan menunjukkan nilai min aktiviti keagamaan secara keseluruhan adalah pada tahap yang tinggi (min 3.75). Secara terperinci pula anggota menyatakan bahawa aktiviti keagamaan berdasarkan kesemua item yang dinyatakan adalah berada pada tahap yang tinggi iaitu iaitu aktiviti keagamaan yang dilaksanakan di 21RAMD adalah baik. Dapatan tersebut dapat dilihat pada nilai min yang diberikan antara 3.50 hingga 4.20 (rujuk Jadual 4.11) iaitu item 1 (min 3.75), item 2 (min 3.73), item 3 (min 4.02), item 4 (min 3.78), item 5 (min 3.84), item 6 (min 3.90), item 7 (min 4.00), item 8 (min 3.79 dan item 9 (min 4.18).

JADUAL 4.25 : Kekerapan, peratusan, nilai min, sisihan piawai dan tahap respon terhadap aktiviti keagamaan bagi anggota.

Aktiviti Keagamaan	Kekerapan (%)	Min	S.P	Tahap
---------------------------	----------------------	------------	------------	--------------

		STS	TS	AS	S	SS		
1.	Pegawai Memerintah	8	20	47	39	66	3.75	1.19 Tinggi
	sering memberi galakkan	(4.4%)	(11%)	(26.1%)	(21.7%)	(36.7%)		
	untuk melaksanakan dan							
	mengikuti aktiviti							
	keagamaan.							
2.	Para pegawai sering	3	20	59	38	60	3.73	1.09 Tinggi
	memberi sokongan	(1.7%)	(11.1%)	(32.8%)	(21.1%)	(33.3%)		
	dalam pelaksanaan)					
	aktiviti keagamaan.							
3.	Anggota lain-lain	-	3	51	63	63	4.02	0.89 Tinggi
	pangkat sentiasa		(1.7%)	(28.3%)	(35.0%)	(35.0%)		
	memberi sokongan							
	dengan menyertai setiap							
	program yang							
	dianjurkan.							
4.	Ahli BAKAT turut	3	20	59	29	69	3.78	1.13 Tinggi
	memberi sokongan	(1.7%)	(11%)	(32.8%)	(16.1%)	(38.3%)		
	dengan menyertai							
	program yang							
	bersesuaian untuk							
	mereka.							
5.	Anak-anak anggota	1	14	55	52	58	3.84	0.98 Tinggi

	menyukai program yang dilaksanakan untuk mereka.	(.6%)	(7.8%)	(30.6%)	(28.9%)	(32.2%)		
6.	Kekangan masa dan tugas membataskan penyertaan dalam aktiviti yang dianjurkan.	3	3	69	39	66	3.90	0.98 Tinggi
		(1.7%)	(1.7%)	(38.3%)	(21.7%)	(36.7%)		
7.	Aktiviti yang dianjurkan dipelbagaikan bagi menarik minat penyertaan semua lapisan.	-	1	58	61	60	4.00	0.83 Tinggi
			(.6%)	(32.2%)	(33.9%)	(33.3%)		
8.	Adakah permasalahan kewangan menjadi kekangan dalam melaksanakan aktiviti keagamaan.	1	27	47	39	66	3.79	1.11 Tinggi
		(.6%)	(15%)	(26.1%)	(21.7%)	(36.7%)		
9.	Kekuatan keanggotaan KAGAT yang mencukupi adalah perlu bagi pelaksanaan dan kejayaan sesuatu program.	-	6	42	45	87	4.18	0.91 Tinggi
			(3.3%)	(23.3%)	(25.0%)	(48.3%)		

Keseluruhan	3.89	0.98	Tinggi
--------------------	------	------	--------

STS = Sangat Tidak Setuju

TS = Tidak Setuju

AS = Agak Setuju

S = Setuju

SS = Sangat Setuju

Respon Terhadap Aktiviti Keagamaan Secara am bagi BAKAT.

Jadual 4.26 menunjukkan dapatan deskriptif aktiviti keagamaan secara am menurut pandangan BAKAT di 21 RAMD. Dapatan menunjukkan nilai min aktiviti keagamaan di 21 RAMD menurut BAKAT secara keseluruhan adalah 3.60 iaitu pada tahap yang tinggi. Dapatan dalam tiap-tiap pernyataan aktiviti keagamaan secara terperinci mendapati bahawa 3 item daripada 6 item aktiviti keagamaan pada pandangan BAKAT berada pada tahap sederhana iaitu item 1 (min 3.00) dan item 2 (min 2.70). Ini bermakna bahawa tahap aktiviti keagamaan di ATM menurut BAKAT berdasarkan 1 dan 2 belum memadai. Tiga pernyataan pada tahap min tinggi iaitu item 3 (min 3.80), item 4 (4.10) dan item 5 (min 3.55). Sedangkan item 6 (min 4.45) berada pada tahap nilai min yang sangat tinggi. Ini juga bermakna bahawa BAKAT amat bersetuju dengan pernyataan ‘Kekuatan keanggotaan KAGAT yang mencukupi adalah perlu bagi pelaksanaan dan kejayaan sesuatu program.

JADUAL 4.26 : Kegerakan, peratusan, nilai min, sisihan piawai dan respon terhadap aktiviti keagamaan bagi BAKAT.

<i>Aktiviti Keagamaan</i>	Kekerapan (%)					Min	S.P	Tahap
	STS	TS	AS	S	SS			
1. BAKAT turut memberi sokongan dengan menyertai program yang bersesuaian untuk mereka.	4 (20%)	1 (5%)	6 (30%)	9 (45%)	4 (20%)	3.00	1.17	Sdh
2. Anak-anak anggota menyukai program yang dilaksanakan untuk mereka.	7 (35%)	-	5 (25%)	8 (40%)	-	2.70	1.34	Sdh
3. Kekangan masa dan tugas membataskan penyertaan dalam aktiviti yang dianjurkan.	-	-	8 (40%)	8 (40%)	-	3.80	0.77	Tinggi
4. Aktiviti yang dianjurkan dipelbagaikan bagi menarik minat penyertaan semua lapisan.	-	-	4 (20.0%)	10 (50.0%)	6 (30.0%)	4.10	0.72	Tinggi

5. Adakah permasalahan kewangan menjadi kekangan dalam melaksanakan aktiviti keagamaan?.	-	1 (5.0%)	11 (55.0%)	4 (20.0%)	4 (20.0%)	3.55	0.89	Tinggi
6. Kekuatan keanggotaan KAGAT yang mencukupi adalah perlu bagi pelaksanaan dan kejayaan sesuatu program.	-	- (10.0%)	2 (35.0%)	7 (55%)	11	4.45	0.69	ST
Keseluruhan						3.60	0.38	Tinggi

Panduan :

STS = Sangat Tidak Setuju

TS = Tidak Setuju

AS = Agak Setuju

S = Setuju

SS = Sangat Setuju

Persoalan Kajian 4. *Apakah tahap amalan agama dari segi motivasi dan respon terhadap aktiviti keagamaan bagi anak-anak anggota tentera?.*

Amalan Agama dari motivasi Anak-Anak Anggota Tentera

Jadual 4.27 menunjukkan dapatan deskriptif amalan ibadah bagi anak-anak anggota tentera di 21 RAMD. Dapatan menunjukkan nilai min ibadah bagi anak-anak anggota tentera secara keseluruhan adalah 3.53. Ini bermakna bahawa tahap ibadah anak-anak tentera secara keseluruhannya adalah berada pada tahap yang baik. Kalau dilihat secara terperinci kepada setiap item dalam pernyataan ini mendapati bahawa item 1 (min 3.35) dan item 2 (min 3.25) adalah berada pada tahap sederhana. Sedangkan pernyataan ibadah ke 3 (min 4.00) adalah berada pada tahap yang tinggi iaitu anak-anak anggota bersetuju bahawa mereka mendapat motivasi apabila terpilih untuk mengikuti program yang dianjurkan.

JADUAL 4.27 : Kekerapan, peratusan, nilai min, sisihan piawai dan tahap motivasi anak-anak anggota tentera.

<i>Motivasi</i>	Kekerapan (%)					Min	S.P	Tahap
	STS	TS	AS	S	SS			
1. Saya merupakan anak tentera yang bertuah kerana dapat membaca al-Quran dengan baik	1 (5.0%)	1 (5.0%)	10 (50.0%)	6 (30.0%)	2 (10%)	3.35	0.93	Sdh

hasil didikan dan tunjuk ajar di pasukan.									
2. Saya dapat mengetahui peristiwa penting dalam Islam kerana KAGAT sering memperingatinya dengan penganjuran kepelbagaian aktiviti.	2 (10%)	2 (10%)	8 (40.0%)	5 (25.0%)	3 (15%)	3.25	1.16	Sdh	
3. Saya sering mendapat motivasi dalam kehidupan apabila terpilih mengikuti program motivasi di pasukan.	-	1 (5.0%)	5 (25.0%)	7 (35.0%)	7 (35%)	4.00	0.92	Tinggi	
Keseluruhan						3.53	0.95	Tinggi	

Panduan :

STS = Sangat Tidak Setuju

TS = Tidak Setuju

AS = Agak Setuju

S = Setuju

SS = Sangat Setuju

Respon Terhadap Aktiviti Keagamaan Secara Am

Jadual 4.28 menunjukkan dapatan deskriptif respon terhadap aktiviti keagamaan oleh anak-anak tentera di 21 RAMD. Dapatan menunjukkan nilai min respon terhadap aktiviti keagamaan menurut persepsi bagi anak-anak anggota secara keseluruhan adalah berada pada tahap yang tinggi (min 3.98). Secara terperinci pula anak-anak anggota tentera menyatakan bahawa aktiviti keagamaan berdasarkan item 1 (min 3.80) dan item 2 (min 3.85) adalah berada pada tahap yang tinggi sedangkan item 3 iaitu 'kekuatan keanggotaan KAGAT yang mencukupi adalah perlu bagi pelaksanaan dan kejayaan sesuatu program' berada pada tahap yang sangat tinggi.

JADUAL 4.28 : Kekерapan, peratusan, nilai min, sisihan piawai dan tahap respon terhadap aktiviti keagamaan bagi anak-anak anggota tentera.

<i>Respon Terhadap Aktiviti</i>	<i>Kekerapan (%)</i>					<i>Min</i>	<i>S.P</i>	<i>Tahap</i>
	<i>STS</i>	<i>TS</i>	<i>AS</i>	<i>S</i>	<i>SS</i>			
<i>Keagamaan Secara am</i>								
1. Anak-anak anggota menyukai program yang dilaksanakan untuk mereka.	1 (5.0%)	1 (5%)	5 (25%)	7 (35%)	6 (30%)	3.80	1.11	Tinggi
2. Aktiviti yang dianjurkan dipelbagaikan bagi	-	-	8 (40.0%)	7 (35%)	5 (25%)	3.85	0.81	Tinggi

menarik minat penyertaan semua lapisan.									
3. Kekuatan keanggotaan	-	-	4	6	10	4.30	0.80	ST	
KAGAT yang mencukupi			(20.0%)	(30%)	(50%)				
adalah perlu bagi pelaksanaan dan kejayaan sesuatu program.									
Keseluruhan						3.98	0.85	Tinggi	

4.3 DAPATAN INFERENS

Bahagian ini membentangkan dapatan daripada analisis inferens yang dijalankan bagi menguji hipotesis kajian. Terdapat 3 hipotesis dalam kajian ini. Huraian dibentangkan mengikut urutan persoalan dan hipotesis kajian.

Persoalan kajian 5. Adakah terdapat perbezaan amalan ibadah, ilmu pengetahuan agama, akhlak, motivasi dan respon terhadap aktiviti keagamaan di antara pegawai dengan anggota tentera?.

Hipotesis bagi persoalan kajian 5 adalah seperti berikut:

- H0₁. Tidak terdapat perbezaan amalan ibadah di antara pegawai dengan anggota tentera.
- H0₂. Tidak terdapat perbezaan ilmu pengetahuan agama di antara pegawai dengan anggota tentera.
- H0₃. Tidak terdapat perbezaan akhlak di antara pegawai dengan anggota tentera.
- H0₄. Tidak terdapat perbezaan motivasi di antara pegawai dengan anggota tentera.
- H0₅. Tidak terdapat perbezaan respon terhadap aktiviti keagamaan di antara pegawai dengan anggota tentera.

Ujian t telah dijalankan bagi mengesan perbezaan tahap ibadah, ilmu pengetahuan, akhlak, motivasi dan respon terhadap aktiviti keagamaan di antara pegawai dan anggota tentera di 21 RAMD. Dapatan ujian-t dalam Jadual 4.29 menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan nilai min secara signifikan ibadah di antara pegawai (min 3.90) dan anggota (min 4.17) dengan nilai statistik $t=-1.393$ dan $\text{sig.} = 165 > .05$). Namun terdapat perbezaan di antara pegawai dan anggota dari segi ilmu pengetahuan (perbezaan min = $-.553$, $t=.198$ dan $\text{sig.}=.006 < .05$), akhlak (perbezaan min = $-.560$, $t=-3.405$, dan $\text{sig.}=.001 < .05$), motivasi (perbezaan min = $-.502$, $t=-2.858$, dan $\text{sig.}=.005 < .05$) dan respon terhadap aktiviti keagamaan (perbezaan min = $-.455$, $t=-1.984$ dan $\text{sig.}=.049 < .05$). Nilai min anggota lebih tinggi secara signifikan berbanding nilai min pegawai dari segi ilmu pengetahuan, akhlak, motivasi dan aktiviti keagamaan. H0₁ diterima, namun H0₂ hingga H0₅ adalah ditolak.

JADUAL 4.29 : Ujian-t perbezaan amalan ibadah, ilmu pengetahuan agama, akhlak, motivasi dan respon terhadap aktiviti keagamaan di antara pegawai dengan anggota tentera.

Pemboleh ubah bersandar	Kumpulan	Min	Perbezaan	Nilai t	Sig. (p)
Ibadah	Pegawai	3.90	-.264	-1.393	.165
	Anggota	4.17			
Ilmu pengetahuan	Pegawai	3.44	-.553	-2.783	.006
	Anggota	3.99			
Akhlak	Pegawai	3.83	-.560	-3.405	.001
	Anggota	4.39			
Motivasi	Pegawai	3.81	-.502	-2.858	.005
	Anggota	4.31			
Aktiviti Keagamaan	Pegawai	3.43	-.455	-1.984	.049
	Anggota	3.88			

Signifikan pada aras < 0.05

Untuk menguji hipotesis nul 1 hingga 5 analisis korrelasi *Pearson* telahpun dijalankan. Bagi memudahkan huraian dapatan analisis hubungan, nilai hubungan iaitu nilai *r* diinterpretasikan ke dalam 3 tahap iaitu tahap rendah, sederhana dan tinggi. Interpretasi nilai *r* ke dalam tiga tahap dapat dirujuk dalam Jadual 4.30

Jadual 4.30 : Tingkat hubungan Antara Dua Pemboleh Ubah

No.	Pekali Korelasi (r)	Kekuatan Hubungan
1.	$\pm 0.70-1.00$	Tinggi
2.	$\pm 0.30-0.69$	Sederhana
3.	$\pm 0.00-0.29$	Rendah/Lemah

Jackson L. Sherry (2006). Research Methods and Statistics. A Critical Thinking Approach. Belmont: Thomson Higher Education US.

Persoalan Kajian 6. Adakah terdapat hubungan di antara amalan keagamaan pegawai dan anggota tentera iaitu dari segi ibadah, ilmu pengetahuan, akhlak dan motivasi dengan respon terhadap aktiviti keagamaan?.

Hipotesis bagi persolan kajian 6 adalah seperti berikut:

H0₆ Tidak terdapat hubungan di antara amalan keagamaan pegawai dan anggota tentera dari segi ibadah dan motivasi dengan respon terhadap aktiviti keagamaan.

H0₇ Tidak terdapat hubungan di antara amalan keagamaan pegawai dan anggota tentera dari segi ilmu pengetahuan dengan respon terhadap aktiviti keagamaan.

H0₈ Tidak terdapat hubungan di antara amalan keagamaan pegawai dan anggota tentera dari segi akhlak dengan respon terhadap aktiviti keagamaan.

H0₉ Tidak terdapat hubungan di antara amalan keagamaan pegawai dan anggota tentera dari segi motivasi dengan respon terhadap aktiviti keagamaan.

Analisis korrelasi Pearson telah dijalankan bagi melihat hubungan di antara pemboleh ubah ibadah, ilmu pengetahuan, akhlak, motivasi dengan aktiviti keagamaan menurut responden pegawai dan anggota. Dapatan dalam Jadual 4.31 menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif pada tahap tinggi di antara ibadah ($r=.970$, $\text{sig}=.000<.05$), ilmu pengetahuan ($r=.975$, $\text{sig}=.000<.05$), akhlak ($r=.943$, $\text{sig}=.000<.05$), motivasi ($r=.927$, $\text{sig}=.000$) dengan respon terhadap aktiviti keagamaan. Hubungan ini bermakna bahawa semakin tinggi ibadah, ilmu pengetahuan, akhlak dan motivasi semakin tinggi pula nilai min aktiviti keagamaan. Dengan demikian H0₆ hingga H0₉ ditolak.

JADUAL 4.31 : Korelasi *Pearson* hubungan di antara ibadah, ilmu pengetahuan, akhlak dan motivasi dengan respon terhadap aktiviti keagamaan bagi pegawai dan anggota.

Hubungan antara dua Pemboleh Ubah	Nilai r	Sig.	Tahap
Ibadah dengan aktiviti keagamaan	.970	.000	Tinggi
Ilmu pengetahuan dengan aktiviti keagamaan	.975	.000	Tinggi
Akhlak dengan aktiviti keagamaan	.943	.000	Tinggi
Motivasi dengan aktiviti keagamaan	.927	.000	Tinggi

*Signifikan pada aras .01

Persoalan kajian 7. Adakah terdapat hubungan di antara amalan keagamaan BAKAT iaitu dari segi ibadah, ilmu pengetahuan, akhlak dan motivasi dengan respon terhadap aktiviti keagamaan?.

Hipotesis bagi persolan kajian 6 adalah seperti berikut:

H0₁₀ Tidak terdapat hubungan di antara amalan keagamaan BAKAT dari segi ibadah dan motivasi dengan respon terhadap aktiviti keagamaan.

H0₁₁ Tidak terdapat hubungan di antara amalan keagamaan BAKAT dari segi ilmu pengetahuan dengan respon terhadap aktiviti keagamaan.

H0₁₂ Tidak terdapat hubungan di antara amalan keagamaan BAKAT dari segi akhlak dengan respon terhadap aktiviti keagamaan.

H0₁₃ Tidak terdapat hubungan di antara amalan keagamaan BAKAT dari segi motivasi dengan respon terhadap aktiviti keagamaan.

Jadual 4.32 menunjukkan dapatan analisis korrelasi *pearson* di antara ibadah, ilmu pengetahuan, akhlak dan motivasi ke atas respon terhadap aktiviti keagamaan bagi responden BAKAT. Dapatan menunjukkan terdapat hubungan positif pada tahap tinggi di antara ibadah ($r=.870$, $\text{sig}=.000<.05$), akhlak ($r=.782$, $\text{sig}=.000<.05$) dan motivasi ($r=.782$, $\text{sig}=.000$) dengan respon terhadap aktiviti keagamaan. Sedangkan wujud pula hubungan pada tahap sederhana ilmu pengetahuan ($r=.552$, $\text{sig}=.012<.05$) merentasi aktiviti keagamaan. Hubungan ini bermakna bahawa menurut BAKAT semakin tinggi

ibadah, ilmu pengetahuan, akhlak dan motivasi semakin tinggi pula nilai min aktiviti keagamaan. Oleh itu H_{010} hingga H_{013} adalah ditolak.

JADUAL 4.32 : Korelasi *Pearson* hubungan di antara ibadah, ilmu pengetahuan, akhlak dan motivasi dengan respon terhadap aktiviti keagamaan bagi BAKAT.

Hubungan antara dua Pemboleh Ubah	Nilai r	Sig.	Tahap
Ibadah dengan aktiviti keagamaan	.870	.000	Tinggi
Ilmu pengetahuan dengan aktiviti keagamaan	.552	.012	Sederhana
Akhlak dengan aktiviti keagamaan	.782	.000	Tinggi
Motivasi dengan aktiviti keagamaan	.737	.000	Tinggi

*Signifikan pada aras .01

4.4 RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Rumusan daripada dapatan deskriptif kajian ini menunjukkan majoriti pegawai dan anggota menyatakan tidak mengetahui sejarah perkhidmatan KAGAT dan bila perkhidmatan keagamaan dalam ATM wujud. Majoriti pegawai dan anggota juga menyatakan bahawa KAGAT merupakan suatu keperluan di ATM terutamanya bagi 21 RAMD dan ianya telah berjaya dalam memberi sumbangan dalam pelaksanaan aktiviti keagamaan. Majoriti pegawai dan anggota juga menyatakan bahawa kehadiran KAGAT dalam pasukan membawa erti yang bermakna kepada pasukan dan majoriti kedua-dua kumpulan responden tersebut juga mengatakan bahawa mereka mengetahui kewujudan

PMAT 9/91 dan menambah pula dengan menyatakan bahawa PMAT9/91 adalah masih relevan.

Dapatan nilai min pula menunjukkan ibadah, motivasi, dan akhlak pegawai secara keseluruhannya adalah pada tahap yang tinggi sedangkan tahap ilmu pengetahuan ibadah pegawai pada tahap yang sederhana. Bagi anggota pula menunjukkan tahap ibadah, ilmu pengetahuan, motivasi dan akhlak adalah berada pada tahap yang tinggi atau baik. Demikian pula bagi responden BAKAT yang mempunyai tahap ibadah, ilmu pengetahuan, motivasi dan akhlak adalah pada tahap tinggi.

Aktiviti keagamaan di 21 RAMD menurut pegawai secara keseluruhan adalah berada pada tahap yang sederhana sedangkan menurut anggota dan BAKAT pula menyatakan bahawa aktiviti keagamaan adalah berada pada tahap yang tinggi. Rumusan dapatan kajian bagi analisis inferens ditunjukkan dalam Jadual 4.33.

Jadual 4.33 : Rumusan Hipotesis Kajian.

	Hipotesis Kajian	Alat Uji Statistik	Keputusan
H0 ₁	Tidak terdapat perbezaan amalan ibadah di antara pegawai dengan anggota tentera.	Ujian t	Diterima
H0 ₂	Tidak terdapat perbezaan ilmu pengetahuan agama di antara pegawai dengan anggota tentera.	Ujian t	Ditolak
H0 ₃	Tidak terdapat perbezaan akhlak di antara pegawai	Ujian t	Ditolak

dengan anggota tentera.

H0 ₄	Tidak terdapat perbezaan motivasi di antara pegawai dengan anggota tentera.	Ujian t	Ditolak
H0 ₅	Tidak terdapat perbezaan aktiviti keagamaan di antara pegawai dengan anggota tentera.	Ujian t	Ditolak
H0 ₆	Tidak terdapat hubungan di antara amalan keagamaan pegawai dan anggota tentera dari segi ibadah dan motivasi dengan aktiviti keagamaan.	Korrelasi <i>Pearson</i>	Ditolak
H0 ₇	Tidak terdapat hubungan di antara amalan keagamaan pegawai dan anggota tentera dari segi ilmu pengetahuan dengan aktiviti keagamaan.	Korrelasi <i>Pearson</i>	Ditolak
H0 ₈	Tidak terdapat hubungan di antara amalan keagamaan pegawai dan anggota tentera dari segi akhlak dengan aktiviti keagamaan.	Korrelasi <i>Pearson</i>	Ditolak
H0 ₉	Tidak terdapat hubungan di antara amalan keagamaan pegawai dan anggota tentera dari segi motivasi dengan aktiviti keagamaan.	Korrelasi <i>Pearson</i>	Ditolak
H0 ₁₀	Tidak terdapat hubungan di antara amalan keagamaan BAKAT dari segi ibadah dan motivasi dengan aktiviti keagamaan.	Korrelasi <i>Pearson</i>	Ditolak
H0 ₁₁	Tidak terdapat hubungan di antara amalan keagamaan BAKAT dari segi ilmu pengetahuan dengan aktiviti keagamaan.	Korrelasi <i>Pearson</i>	Ditolak

- H0₁₂ Tidak terdapat hubungan di antara amalan Korrelasi Ditolak
keagamaan BAKAT dari segi akhlak dengan aktiviti *Pearson*
keagamaan.
- H0₁₃ Tidak terdapat hubungan di antara amalan Korrelasi Ditolak
keagamaan BAKAT dari segi motivasi dengan *Pearson*
aktiviti keagamaan.
-

4.5 ANALISIS KUALITATIF

4.5.1 Hasil Kajian Temubual

Kajian temu bual turut digunakan oleh penulis bagi mendapatkan maklumat secara lebih terperinci dan praktikal. Penulis mengaplikasikan kajian lapangan ini secara komprehensif untuk mendapatkan maklumat. Kajian telah dilakukan kepada 6 orang anggota warga 21 RAMD yang terdiri daripada 2 orang pegawai iaitu Pegawai Memerintah dan Ketua Kompeni, 3 orang anggota Lain-Lain Pangkat yang terdiri daripada Pegawai Waren, Staf Sarjan dan Sarjan serta seorang anggota BAKAT. Sistem Express Scribe telah digunakan bagi menghasilkan transkripsi temubual untuk mewujudkan pengkategorian protokol dalam menghasilkan pengumpulan idea utama sebelum ianya dibuat huraian lanjut. Ia bagi mendapatkan maklumat yang tepat kerana aktiviti KAGAT adalah kepada golongan sasaran ini.

4.5.2 Dapatan Kajian

Bab ini pula memaparkan hasil kajian yang telah dilaksanakan oleh penulis yang menggunakan metod temubual. Sebanyak 6 responden telah ditemubual yang mempunyai latar belakang yang berbeza dan menduduki jawatan yang berbeza di dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Soalan yang ditanyakan adalah untuk menilai secara kolektif terhadap persepsi, sumbangan, serta cadangan terhadap aktiviti keagamaan yang dianjurkan oleh KAGAT kepada anggota ATM.

Berikut adalah soalan-soalan yang telah ditanyakan kepada responden:

1. Apakah latar belakang diri dan keluarga serta keterlibatan di dalam aktiviti keagamaan?.
2. Apakah persepsi Tuan/Saudara terhadap Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT)?.
3. Adakah KAGAT telah memberikan sumbangan terhadap aktiviti keagamaan di dalam ATM?.
4. Bagaimanakah kesan program dan aktiviti yang dianjurkan KAGAT terhadap Tuan/Saudara?.
5. Apakah cadangan penambah baikan terhadap program serta aktiviti yang dianjurkan oleh KAGAT?.

SOALAN 1: Apakah latar belakang diri dan keluarga serta keterlibatan di dalam aktiviti keagamaan?.

Berdasarkan temubual yang telah dilaksanakan, rata-rata responden mempunyai latar belakang keluarga yang mempunyai asas agama. Ia sekaligus membentuk kehidupan dan tahap agama responden. Responden 1 sudah menyertai Angkatan Tentera Malaysia (ATM) selama 30 tahun dan mempunyai keluarga yang kuat agama. Responden 2 pula memiliki tahap agama yang baik apabila ibunya sendiri adalah pengajar Al-Quran di kampungnya. Beliau telah berkhidmat di dalam ATM selama 17 tahun. Responden 3 juga mendapat pendidikan agama terus daripada keluarganya iaitu ibu bapanya, dan kebetulan rumahnya adalah berdekatan dengan masjid. Manakala responden 4 datang daripada keluarga yang sederhana namun selalu mengikuti kegiatan agama di kampungnya. Beliau sudah berkhidmat selama hampir 14 tahun. Responden 5 pula memiliki latar belakang agama yang agak baik berbanding responden yang lain apabila ayahnya seorang pengajar al-Quran di masjid, dan abang serta adiknya menjadi imam di negeri Johor dan Melaka. Manakala Responden 6 pula datang dari keluarga yang tidak kuat agama namun ayahnya telah menghantar ke sekolah agama milik Yayasan Islam Kelantan (YIK) untuk menuntut di situ. Secara keseluruhannya, kesemua responden mempunyai asas agama walaupun berbeza taraf dan ilmu pengetahuan.

SOALAN 2: Apakah persepsi Tuan/Saudara terhadap Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT)?.

Persepsi umum terhadap unit KAGAT sangat penting terhadap kajian ini. Ia akan membuktikan sejauh mana kesan dan impak KAGAT terhadap anggota tentera. Daripada temubual yang dilaksanakan, kebanyakan responden telah memberikan jawapan yang hampir sama dan positif. Misalnya responden 1 memberi pandangan bahawa KAGAT sebagai satu unit yang bertugas sebagai guru-guru agama kepada anggota tentera begitu juga sama dengan pandangan daripada responden 5. Selebihnya melihat KAGAT tidak lebih hanya sebagai satu jabatan agama yang bertugas memantau tahap agama dan supaya anggota tentera tidak lari daripada pegangan agama yang sebenar. Namun begitu, bagi responden 6, beliau telah menceritakan serba sedikit penubuhan KAGAT di zaman Tun Abdullah Ahmad Badawi sebagai Menteri Pertahanan dan berfungsi sebagai unit yang memantapkan agama anggota tentera.

SOALAN 3: Adakah KAGAT telah memberikan sumbangan terhadap aktiviti keagamaan di dalam ATM?.

Soalan seterusnya adalah tema utama di dalam kajian ini yang mengfokuskan kepada adakah KAGAT telah menyumbangkan kepada aktiviti keagamaan kepada ATM itu sendiri. Ia menentukan sejauh mana peranan KAGAT di dalam ATM sama ada memberi kesan mahupun tidak. Daripada hasil temubual yang dilakukan, kesemua memberikan jawapan bahawa KAGAT secara umum telah memberi sumbangan kepada

ATM dari sudut agama dan memperbaiki anggota tentera. Namun apabila ditanya lebih terperinci, setiap responden memberi jawapan yang berbeza. Responden 3 menyatakan bahawa dahulunya, anggota tentera tatkala diperintah oleh British, kegiatan anggota terlibat dengan minum arak dan sebagainya, namun setelah penubuhan KAGAT, ia telah mengawal anggota daripada terjebak kepada aktiviti tersebut. Rukiyah pula menyatakan bahawa KAGAT telah memberi sumbangan besar kepada anggota wanita apabila mencadangkan pemakaian wanita yang lebih sopan dan menutup aurat iaitu mencadangkan agar anggota wanita memakai seluar panjang dan bertudung sebagai *uniform* rasmi mereka. Selain itu, KAGAT juga menjadi rujukan kepada anggota berkenaan isu-isu agama, misalnya dalam persoalan kahwin, penceraian dan sebagainya. Umumnya kita melihat, kewujudan KAGAT hasil daripada maklumat responden diatas, KAGAT telah berjaya memberi sumbangan yang besar khususnya mengenalkan kepada anggota diantara perkara yang halal (dibenarkan) dan haram (dilarang).

SOALAN 4: Bagaimanakah kesan program dan aktiviti yang dianjurkan KAGAT terhadap Tuan/Saudara?.

Selain daripada sumbangan, kita juga dapat melihat secara terperinci kepada anggota ATM berkenaan kesan daripada program dan aktiviti yang dianjurkan KAGAT. Kesan tersebut boleh dilihat dari aspek ibadah, ilmu pengetahuan dan akhlak anggota. Responden 1 telah menyatakan bahawa ramai di kalangan anggota mulai berubah apabila mengikuti program KAGAT khususnya di dalam ibadah solat yang mana tatacara serta kaedah solat telah diajar dan dibetulkan di kalangan anggota di samping memberi tunjuk

ajar kepada anggota yang buta huruf al-Quran dengan diadakan kelas-kelas pengajian Al-Quran. Dan kebanyakan anggota sudah menjaga waktu solat lima waktu dan solat zohor secara berjamaah serta sudah mahir membaca Al-Quran. Selain itu, responden 2 dan 3 pula terkesan dengan program-program seumpama ceramah dan kuliah yang dilaksanakan. Ini kerana ustaz-ustaz yang dijemput telah berjaya menyeru kepada anggota tentera untuk melaksanakan kebaikan dan mengingati mati. Di dalam bulan puasa misalnya, KAGAT telah membantu dari sudut mengadakan program berbuka puasa, solat taraweh serta mengajar kaedah berpuasa sebagai satu kewajipan dengan baik. Ia secara tidak langsung turut memberi kesan kepada anak-anak anggota apabila mereka berkunjung ke masjid. Bukan itu sahaja, apabila anak-anak bersemangat ke masjid ia juga memberi kesan kepada keluarga dan ibu bapa untuk turut ke masjid.

SOALAN 5: Apakah cadangan penambahbaikan terhadap program serta aktiviti yang dianjurkan oleh KAGAT?.

Soalan dan dapatan daripada soalan ini sangat penting agar kegiatan dan aktiviti KAGAT yang akan dianjurkan pada masa akan datang bertambah baik. Ia juga menjadi pengukur kepada pendekatan program seterusnya. Kesemua responden telah mengutarakan cadangan yang baik dan bernas. Antaranya KAGAT diminta agar melaksanakan program dan aktiviti menggunakan pendekatan yang lebih menarik, ini kerana kebanyakan program yang lalu kurang dihadiri oleh anggota kerana kurang mempunyai daya tarikan. Antara tarikan yang dicadangkan adalah dengan menjemput pengkuliah serta ustaz dikalangan mereka yang terkenal dan ustaz daripada luar KAGAT

sendiri. Responden juga menyukai sekiranya KAGAT sendiri membuat program berbentuk *face to face* yang bermaksud pergi rumah ke rumah ataupun pergi kepada anggota. Selain itu, program-program untuk meraikan sambutan hari kebesaran Islam umpamanya Awal Muharam, Asyura, sambutan bulan Ramadhan dan sebagainya diperbanyakkan. Begitu juga dengan aktiviti-aktiviti berbentuk *out-door* seperti sukaneka juga perlu diperbanyakkan, ini kerana ada dikalangan anggota yang kurang minat untuk datang ke masjid atas faktor masa dan sebagainya. Di samping itu, program mestilah dilaksanakan dengan mengambil kira setiap lapisan golongan, misalnya program kanak-kanak, dewasa dan untuk kaum wanita. Responden juga mencadangkan supaya diadakan penerbitan buku secara berkala untuk bacaan anggota yang tidak berkesempatan ke program disamping menggunakan sepenuhnya teknologi maklumat (IT) untuk memberikan maklumat terkini aktiviti dan informasi berkenaan keagamaan. Di dalam setiap program juga dicadangkan agar diadakan jamuan kepada peserta. Responden juga menyatakan bahawa anggota sukakan program berbentuk santai dan tidak terlalu akademik semata-mata. Pendekatan sangat penting kepada masyarakat yang pergi ke program kerana ia adalah sebahagian daripada kaedah dakwah untuk menyeru manusia kepada program dan aktiviti keagamaan.